

21 AUG 1998

SOKONGAN-MALAYSIA/I

SOKONGAN PENGULAS BARAT MENGENAI PENDIRIAN EKONOMI MALAYSIA MENINGKAT

Oleh: Yong Soo Heong

KUALA LUMPUR, 21 Ogos (Bernama) -- Apabila Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) mencadangkan pemulihan struktur yang tegas untuk menangani krisis kewangan Asia, Malaysia menghujah bahawa cadangan itu tidak sesuai.

Tetapi hujah Malaysia terhadap apa yang dikatakan pemulihan itu, yang termasuk mempunyai dasar kewangan yang ketat, kadar faedah yang tinggi, pengurangan belanjawan, penutupan bank secara mendadak, pelaksanaan segera piawaian kecukupan modal bank, telah ditentang keras oleh pengkritik-pengkritik barat yang berkata Malaysia masih tidak menerima bahawa negara ini sedang menghadapi masalah.

Malaysia juga dikatakan tidak berada dalam realiti dan degil untuk menerima preskripsi IMF.

Kini, selepas lebih setahun negara mengalami krisis ekonomi terburuk, pengulas-pengulas barat mengubah nada mereka. Mereka kini mula berkata apa yang Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berulang kali jelaskan adalah betul, terutamanya mengenai ketidaksesuaian cadangan-cadangan tersebut.

Dalam kata lain, apa yang telah dinyatakan oleh Dr Mahathir mula mendapat perhatian.

Sokongan terbaru datang dari dua ahli akademik Amerika -- Steven Radelet and Jeffrey Sachs.

Radelet adalah ahli sekutu di Institut Harvard bagi Pembangunan Antarabangsa (HIID) dan pensyarah ekonomi di Universiti Harvard manakala Sachs adalah pengarah HIID dan profesor perdagangan antarabangsa di Universiti Harvard. Rencana mereka "Kenapa tidak biarkan bank memiliki firma-firma siberhutang?" yang terbit dalam keluaran terbaru akhbar serantau baru-baru ini.

"Pendekatan IMF, jauh daripada memulihkan keyakinan, telah secara tidak sengaja merumitkan lagi keadaan," kata mereka di dalam rencana sumbangan mereka itu.

Selepas setahun, mereka berkata kadar faedah yang kekal tinggi dan ketiadaan mudah-tunai kedua-duanya sebenarnya menyebabkan penguncupan ekonomi yang meruncing dan jumlah hutang lapuk yang besar di seluruh Asia.

Seorang lagi ahli akademik barat, Robert Wade, profesor ekonomi politik di Universiti Brown, juga menulis di dalam The Financial Times tidak lama dulu bahawa IMF gagal memahami implikasi pengenaan kadar faedah yang tinggi terhadap syarikat-syarikat Asia.

Firma-firma Asia memang lebih banyak berhutang berbanding firma-firma barat dan Amerika Latin dan kadar yang tinggi akan menolak mereka daripada ketiadaan mudah-tunai kepada ketidak-sanggupan membayar hutang, memaksa mereka mengurangkan pembelian, menjual inventori, menangguhkan pembayaran balik pinjaman dan menghentikan pekerja, katanya.

Bank-bank kemudiannya mengumpul hutang-hutang lapuk, kesanggupan mereka memberi balik deposit kini dipersoalkan, mereka menarik balik pinjaman dan enggan memberikan yang baru.

Desakan IMF supaya bank-bank memenuhi piawaian kecukupan modal Basle yang ketat hanya menambahkan bebanan kredit.

Wade berkata kombinasi kadar faedah yang tinggi dan piawaian Basle adalah sebab mendadak gelombang ketidak-sanggupan membayar hutang, pengangguran dan penguncupan ekonomi yang terus berkembang di rantau ini dan seterusnya.

Ketidak-tentuan, ketidak-stabilan dan risiko penyusutan lanjut nilai

matawang menghalang modal daripada kembali walaupun kadar faedah sebenar adalah tinggi.

Wade juga mendapati adalah membingungkan kenapa IMF telah mengambil pendekatan sekatan ini di Asia kerana ia tahu dengan pengalaman Amerika Syarikat (AS).

Sambil mengingat kembali keadaan selepas keruntuhan pasaran saham AS pada 1987, di mana aset yang disandarkan kepada pinjaman bank jatuh nilainya dengan ketara, beliau berkata pihak berkuasa AS mengambil langkah membiarkan pasaran yang amat mudah cair tidak kira apa kesannya.

"Tetapi di Asia, IMF telah mengambil langkah sekatan mudahtunai. Adakah ini sebab ia hanya tahu satu resepi? Atau kerana ia lebih berminat dalam memastikan kepentingan pemiutang-pemiutang bank asing daripada mengelak keruntuhan Asia?"

Tun Daim Zainuddin, sebelum dilantik sebagai Menteri Tugas-Tugas Khas, berkata pada bulan Mei bahawa dasar kewangan yang terlalu ketat akan membawa kesan negatif yang tidak dijangka terhadap perniagaan.

Sejak perlantikan beliau sebagai menteri, beliau telah mencadangkan menerusi Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), di mana beliau juga merupakan pengarah eksekutifnya, supaya kadar faedah direndahkan.

Bank Negara Malaysia bertindak pantas untuk melonggarkan pendekatan kewangan yang ketatnya dan mengeluarkan satu rangkakerja baru untuk memulihkan ekonomi Malaysia yang lemah.

Kelonggaran pendekatan ini telah menyebabkan kadar pinjaman merosot kepada paras yang lebih realistik pada kira-kira 13 peratus daripada 16 hingga 17 peratus beberapa bulan lepas dan daripada setinggi 21 peratus Disember lepas. Kadar-kadar pinjaman asas beberapa bank utama juga telah jatuh ke paras di bawah 11 peratus.

Radelet dan Sachs berkata untuk krisis Asia mula bergerak ke hadapan, pendekatan yang lain diperlukan.

Dan ia harus berdasarkan kepada strategi ekonomi makro yang baru dan penyusunan semula korporat dan kunci kira-kira bank yang agresif. Hanya perubahan ke arah itu akan memulihkan keyakinan dan pertumbuhan di dalam negara-negara Asia.

Mereka berkata IMF telah menyediakan bagi setiap kerajaan beberapa bilion dolar bagi membantu meningkatkan simpanan dan berjanji akan menyediakan sejumlah besar wang lagi di masa depan jika reformasi dilaksanakan.

Matlamat pendekatan ini adalah untuk menyekat kejatuhan dalam mata wang serantau, mengurangkan tahap pinjaman tidak berbayar dalam kunci kira-kira dan menyakinkan pelabur-pelabur asing agar mereka menghentikan penarikan diri daripada pasaran dengan menunjukkan kepada mereka bahawa kerajaan Asia serius untuk melaksanakan reformasi.

Bagaimanapun Radelet dan Sachs berkata kebanyakan rancangan IMF itu terkena ke muka sendiri. Ini adalah kerana pengecutan ekonomi besar-besaran itu telahpun berlaku akibat daripada penarikan modal yang dikuatkan oleh dasar ketat IMF.

Dan pemiutang asing menjadi bimbang firma penghutang akan menjadi tidak mampu membayar pinjaman mereka dalam suasana seumpama itu.

Selain itu, pembiayaan asing rasmi yang sebenarnya bertukar menjadi kurang berbanding jumlah yang diumumkan, oleh itu sekatan kecairan dalam pasaran pertukaran asing tetap kekal.

Bank-bank juga berada di bawah tekanan dan secara asasnya menghentikan pengeluaran pinjaman baru. Pengeluaran modal semakin pantas selepas beberapa program IMF, dan mata wang semua negara yang dilanda krisis terus jatuh.

Radelet dan Sachs juga menunjukkan kepada hakikat bahawa krisis kecairan telah mengembang secara beransur-ansur kepada krisis

ketidakmampuan membayar hutang apabila bebanan hutang bertukar menjadi nilai bersih yang negatif dan meskipun kestabilan dalam pasaran matawang baru-baru ini, pemulihan ekonomi sebenar masih lagi jauh.

"Di bawah keadaan ini, kadar faedah tinggi dan menyelesaikan hutang dalam negeri serta asing secara beransur-ansur tidak akan dapat menyelesaikan masalah," tegas mereka.

Ketika masa terus berlalu, lebih banyak firma akan menjadi tidak mampu membayar hutang dan ditutup, dan seterusnya membawa ke arah pusingan menurun yang lebih ketara.

Memandangkan kepada keadaan-keadaan tersebut, satu pendekatan berbeza diperlukan untuk bergerak lebih cepat bagi menghapuskan hutang lapuk yang tergantung dan memulihkan semula firma-firma yang telah terjejas.

Radelet dan Sachs mencadangkan idea-idea yang telah disyorkan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara -- mengembangkan kecairan, menyusun semula hutang, permodalan semula bank-bank dan mengubahsuai semula dasar ekonomi makro.

Mengembangkan kecairan akan memastikan bahawa terdapat mudah tunai yang mencukupi dalam sistem perbankan dan membolehkan firma-firma terutama firma mengeksport, meneruskan pengeluaran malahan sebelum firma-firma terbabit mampu menyusun semula hutang mereka.

Bagi penyusunan semula hutang, mereka berkata strategi itu bukan bertujuan untuk menyelamatkan firma tidak berdaya maju. Jika selepas penukaran hutang, firma-firma tersebut tidak dapat menghasilkan aliran tunai yang positif, oleh yang demikian mereka sepatutnya dibubarkan.

Radelet dan Sachs menegaskan fira-firma tersebut tidak perlu diselamatkan, tetapi firma yang lebih baik mestilah diberi peluang untuk menggiatkan semula operasi mereka tanpa hutang tergantung.

Mereka juga mencadangkan penyusunan semula hutang korporat dan permodalan semula bank mestilah diteruskan. Tiada langkah yang boleh menunggu penyiapan yang lain. Permodalan semula bank perlu dimulakan dengan segera agar pemberian pinjaman boleh diteruskan dengan cepat bagi kemudahan pengeksport dan firma tanpa beban hutang yang besar.

Bagaimanapun, proses permodalan semula bank tidak boleh disiapkan sehingga hutang korporat disusun semula dan bank-bank menukar beberapa hutang korporat kepada ekuiti.

Radelet dan Sachs berkata kunci untuk mengubahsuai semula dasar ekonomi makro adalah dengan mengurangkan kadar faedah dan mengembangkan kredit dalam negeri. Tetapi ia kemungkinan memerlukan beberapa penurunan selanjutnya mata wang serantau, sekurang-kurangnya dalam tempoh jangka pendek.

Tetapi ia sebenarnya adalah satu harga rendah yang perlu dibayar untuk memulakan semula kegiatan ekonomi, kata mereka.

-- BERNAMA  
SHY SJ ZK OS